


# Itinerari

# 12H UMRDAH

(AWAL MADINAH)



# 12H UMRDAH (AWAL MADINAH)

*Langkah menuju Kaabah, adalah langkah kembali kepada-Nya*



## Hari 1 SINGAPORE - JEDDAH - MADINAH

Berkumpul di Changi Airport 3 jam sebelum keberangkatan dan bertolak ke Jeddah, Saudi Arabia. Setibanya di **Jeddah, King Abdulaziz International Airport**, para jemaah disambut oleh wakil kami yang bertugas disana bagi meneruskan perjalanan ke **kota Madinah** sekitar 5-6 jam, dengan menaiki bas berhawa dingin. Solat Jama' Takhir Maghrib & Isyak ketika dalam perjalanan ke Madinah.

## Hari 2 MADINAH

Setibanya di Madinah, daftar masuk hotel. Jika berkesempatan, tunaikan solat Subuh di **Masjid Nabawi**. Selepas Subuh & sarapan pagi di hotel, berkumpul di lobby untuk menziarah ke Masjid Nabawi dan **Makam Rasulullah, Sy Abu Bakar as Shiddiq, Sy Umar ibn Al Khatthab**. Jemaah akan dibawa ke **Raudhah** jika dapat permit.

## Hari 3 MADINAH

Selepas sarapan pagi, para jemaah dibawa menziarahi tempat-tempat bersejarah di Kota Madinah seperti **Masjid Quba**, masjid pertama yang dibina pada tahun 1 Hijrah oleh Rasulullah S.A.W ketika berhijrah dari Makkah ke Madinah. Jemaah dinasihatkan agar berwuduk di hotel penginapan dan berusaha mengekalkannya sehingga tiba di Masjid Quba dan bersolat sunat dua rakaat.



Seterusnya, jemaah akan melawat **Kebun Kurma** untuk membeli pelbagai barangan seperti kurma, kacang, coklat dan manis-manisan. Selepas itu, jemaah akan dibawa untuk lalu **Masjid Qiblatain dan Masjid Khandaq**. Akhir sekali, jemaah akan dibawa ke **Jabal Uhud**, tempat berlakunya peperangan Uhud, dimana pada masa itu tentera Islam hanya 700 orang muslimin melawan 3000 orang tentera musyrikin.

#### Hari 4

##### MADINAH - BADR - MADINAH

Selepas sarapan pagi, memulakan perjalanan ke **Badr** di mana berlakunya peperangan pertama yang dilalui oleh Rasulullah S.A.W bersama 313 orang tentera dari Madinah pada bulan Ramadhan tahun 2 Hijriah. Meskipun bilangan orang Islam sedikit, tentera Islam mendapat kemengangan. Peperangan ini menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W adalah pentadbir yang berkaliber dan pintar mengendalikan taktik peperangan. Jemaah akan melawati **Perkuburan para Syuhada' Perang Badr, Masjid Al-Areesh & Jabal Malaikat**. Taklimat akan diadakan selepas pulang dari Badr untuk persiapan diri bagi Ibadah Umrah pada keesokan harinya.

#### Hari 5

##### MADINAH - MAKKAH

Hari terakhir bagi para jemaah berada di Madinah. Para jemaah disunatkan agar menziarahi **Maqam Rasulullah S.A.W** untuk ziarah selamat tinggal. Seterusnya jemaah kembali ke hotel untuk mempersiapkan diri bagi ibadah Umrah. Jemaah diingatkan untuk **Mandi Ihram** dan memakai pakaian Ihram di Hotel.

Check-out dari hotel selepas Zohor dan berangkat menuju ke **Stesen Keretapi**. Niat dijatuhkan di dalam keretapi & mulakan perjalanan ke Makkah (2.5 jam - tertakluk kepada seat availability). Tiba di kota Makkah dan Check-in Hotel. Selepas makan malam, dilanjutkan untuk melaksanakan Ibadah Umrah (Tawaf, Sa'ie dan Tahallul).



#### Hari 6

##### MAKKAH

**Acara bebas.** Disarankan untuk memperbanyakkan ibadah; Tawaf Sunat, Solat Sunnah, Solat Berjemaah, membaca Al-Quran di **Masjidil Haram**.

## Hari 7 MAKKAH

Selepas sarapan pagi, memulakan ziarah menuju ke **Jabal Tsur** di mana terdapat **Gua Tsur** yang menjadi tempat persembunyian Rasulullah dan Abu Bakar RA daripada kejaran kaum Quraisy pada tahun 622M sewaktu penghijrahan Rasulullah SAW menuju ke Kota Madinah.



Seterusnya, para jemaah akan dibawa ke kawasan **Padang Arafah** iaitu tempat wukuf bagi jemaah haji, melawat **Jabal Rahmah**, yang diantara kisah yang dikenali adalah sebagai tempat pertemuan Nabi Adam dan Siti Hawa. Jemaah akan lalu **Muzdalifah** iaitu tempat jemaah haji mengutip anak batu dan juga **Mina** dimana tempat jemaah haji bermalam. Jemaah akan kemudian bertolak ke **Masjid Ji'ronah** untuk solat Sunat Ihram, berihram dan berniat untuk Umrah Kedua (Sunnah) atau Badal Umrah untuk mereka yang sudah tua & uzur atau pulang ke rahmatullah bagi yang ingin melaksanakannya. (Tertakluk kepada permit)

## Hari 8 MAKKAH

**Acara bebas.** Disarankan untuk memperbanyakkan ibadah; Tawaf Sunat, Solat Sunnah, Solat Berjemaah, membaca Al-Quran di Masjidil Haram.

## Hari 9 MAKKAH - TAIF - MAKKAH

Selepas sarapan pagi, para jemaah akan bertolak ke Taif (1 - 2 jam) menaiki bas. Jemaah akan ke **Rose Farm** untuk membeli-belah wangi-wangian bagi mereka yang berminat dan ke Kedai Madu. Seterusnya akan melaksanakan solat Zohor jama' dengan Asar di **Masjid Ibn Abbas** dan makan tengahari di restoran Arab di **Taif**. Akhirnya jemaah akan pulang & sampai ke Makkah sekitar waktu Maghrib.

## Hari 10 MAKKAH

Selepas sarapan pagi, para jemaah dibawa ke **Masjid Hudaibiyah**, kawasan di mana berlaku perjanjian pertama di antara kaum Muslimin & Musyrikin yang dinamakan Sulhul Hudaibiyah (Perjanjian Hudaibiyah). Di sini, jemaah akan solat Sunat Ihram, berihram dan berniat untuk Umrah Ketiga (Sunnah) atau Badal Umrah untuk mereka yang sudah tua & uzur atau pulang ke rahmatullah bagi yang ingin melaksanakannya. (Tertakluk kepada permit)

*Terletak di pinggir bandar suci Makkah, Masjid Al-Hudaibiyah menandakan tempat di mana perjanjian damai Hudaibiyah telah ditandatangani antara Quraisy dan Nabi Muhammad (SAW) pada tahun 6 Hijrah.*



**Hari 11**  
**MAKKAH - JEDDAH**

Selepas Subuh, jemaah akan berkumpul untuk melaksanakan Tawaf Wada' & pulang ke hotel untuk sarapan & persiapan pulang. Check-out dari Hotel dan menuju ke Kota Jeddah dan akan menikmati makan malam (tertakluk pada waktu penerbangan). Selepas makan malam, jemaah akan bertolak ke Airport Jeddah dan check in untuk keberangkatan pulang ke Singapura.

*Daripada Abu Hurairah RA, Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Antara satu umrah ke satu umrah menghapuskan dosa antara kedua-duanya dan haji yang mabrur tidak ada baginya ganjaran melainkan syurga." (Riwayat Bukhari).*

**Hari 12**  
**JEDDAH - SINGAPORE**

Alhamdulillah tiba kembali di **Lapangan Terbang Changi**. Kami mendoakan semoga mendapat Umrah yang mabrur.



# Hotel Penginapan

## MADINAH

Maden Al Rawda / setaraf ★★★★★

Maden Hotel / setaraf ★★★★★



## MAKKAH

Al Safwah Hotel / setaraf ★★★★★

Pullman ZamZam / setaraf ★★★★★



# Pakej Termasuk



HOTEL  
PENGINAPAN



ECONOMY AIRLINE  
TICKET



MUTAWIF &  
PEGAWAI



BAS BERHAWA  
DINGIN



MAKAN 3 KALI  
SEHARI



BUKU PANDUAN  
UMRAH



CABIN & BAG  
SANDANG



KAIN IHRAM  
& TELEKUNG



HIGH SPEED  
TRAIN



DAY TRIP  
KOTA TAIF



AIR  
ZAM ZAM

# Pakej Tidak Termasuk

- Visa (Umrah/Tourist)
- Travel Insurance Peribadi
- Suntikan Meningitis & Influenza
- Excess baggage
- Tambahan Hotel/Visa/Fues/VAT Surcharge Dikenakan Jika Ada
- Covid-19 Tests